

22/07/1997

Muslihat politik: PM (HL)

Manja Ismail in Okayama City (Jepun)

OKAYAMA CITY (Jepun), Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad percaya kejatuhan nilai mata wang negara-negara Asia Tenggara sekarang berpunca daripada tekanan oleh tokoh kewangan antarabangsa yang mempunyai agenda politik.

Menurut Perdana Menteri, selain kegiatan spekulasi oleh mereka yang mempunyai banyak wang bagi mendapatkan keuntungan dalam masa singkat, perubahan pasaran mata wang serantau kebelakangan ini berpunca daripada agenda politik tokoh berkenaan.

"Memang kadang kala wujud agenda politik kerana yang jelas menjadi sasaran ialah negara-negara Asean, Thailand, Indonesia, Filipina dan Malaysia. Kami sendiri bertanya kenapa.

"Adakah ia hanya spekulasi untuk membuat keuntungan atau kerana agenda lain. Kami berpendapat memang ada agenda lain, terutama oleh tokoh ini yang menjadi penaung sebuah yayasan kononnya untuk masyarakat terbuka," katanya tanpa menyebut nama tokoh berkenaan.

Beliau menjelaskan demikian ketika menjawab soalan peserta di forum khas bersamanya bertajuk 'Okayama Prefecture in the 21st Century' anjuran Keizai Doyukai (Jawatankuasa Pembangunan Ekonomi) wilayah ini sempena sambutan ke-50 penubuhannya, di sini petang ini.

Ekoran krisis mata wangnya, Thailand mengapungkan baht pada 2 Julai lalu menyebabkan nilainya jatuh 20 peratus, manakala Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) semalam meluluskan kredit tambahan lebih AS\$1 bilion (RM2.5 bilion) kepada Filipina bagi tekanan kejatuhan nilai peso.

Bank Negara Malaysia (Bank Negara) pula sebelum ini terpaksa campur tangan untuk mempertahankan ringgit apabila serangan spekulatif menular ke Malaysia selepas serangan serupa terhadap baht Thailand dan peso Filipina.

Sejak kebelakangan ini, nilai ringgit semakin susut dan pada jam 5 petang ini, ia ditutup pada 2.6150/00 bagi setiap dolar Amerika, berbanding 2.6120/70 pada penutup Jumaat lalu. Ringgit bergerak di antara paras 2.63 dan 2.64 sebelum mengukuh kepada 2.60 beberapa minit menjelang penutupan urus niaga.

Berbanding dolar Singapura, ringgit rendah iaitu 1.7862/06 daripada 1.7860/06 sebelumnya.

Niaga hadapan Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur (Klibor) tiga bulan di Bursa Kewangan Malaysia (MME) hari ini pula ditutup bercampur-campur dengan beberapa aktiviti urus niaga pada sesi tengah hari. Jajaran urus niaga mengecil antara dua hingga empat mata.

Dalam pasaran tunai, kadar faedah masih kukuh dengan kadar semalaman stabil pada 8.50 peratus manakala kadar Klibor tiga bulan jatuh kepada 9.12 peratus daripada 9.23 peratus sebelumnya.

Walaupun tidak menamakan tokoh dan yayasan berkenaan, Perdana Menteri ketika ditemui pemberita selepas dialog itu, tidak menolak kemungkinan tekanan itu berpunca daripada bantahan yayasan berkenaan terhadap tindakan Asean menerima penyertaan Myanmar.

Dr Mahathir berkata, yayasan itu mungkin sengaja memanipulasikan mata wang di rantau ini untuk menjejaskan pertumbuhan pesat ekonomi di negara-negara Asean.

"Malaysia mempunyai asas ekonomi yang baik...semua syarikat termasuk firma-firma Jepun yang melabur di sana mengalami pertumbuhan yang baik. Malah, kami lebih baik daripada sebahagian besar negara maju. Anehnya, ada tekanan untuk melemahkan nilai mata wang kami.

"Sebenarnya ramai yang berpendapat ringgit Malaysia memang sudah berada di bawah nilai sepatutnya. Ia patut dinilai semula tetapi ada tekanan untuk menjatuhkan lagi nilainya," katanya.

Beberapa syarikat Malaysia turut mencatatkan keuntungan besar. Petronas untung hampir dua kali ganda tahun lalu, daripada RM6 bilion kepada RM12 bilion, manakala Proton untung RM1 bilion.

"Saya bercakap dengan beberapa orang di General Motors dan mereka terkejut kerana RM1 bilion sama dengan AS\$400 juta. Mereka berpendapat operasi keseluruhan Volkswagen tidak mampu mencatat keuntungan sebanyak itu," katanya.

(END)